

Jemaah umrah dan haji Malaysia juga tidak boleh bergambar di Masjid Nabawi, Madinah

Dilarang berfoto di Masjidilharam


KOSMO 30/11/2017 MIS 4

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN,
ADIL AIZUDDIN YUSOF, FATTAH MOHD. SAPIAI
dan MUNIRAH AZMAN

KUALA LUMPUR – Bakal jemaah umrah dan haji Malaysia kini tidak lagi boleh mengambil gambar atau berselfie di Masjidilharam dan Masjid Nabawi di Arab Saudi selepas Lembaga Tabung Haji (TH) mengesahkan sudah menerima surat rasmi daripada Bahagian Konsular Kementerian Luar Malaysia.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Seri Johan Abdullah berkata, dengan adanya surat tersebut, jemaah Malaysia kini dilarang untuk berfoto di dua masjid itu.

“TH juga akan mengambil tindakan proaktif dengan memaklumkan larangan itu kepada semua bakal jemaah semasa program kursus asas haji yang dilaksanakan di seluruh negara bermula 2 Disember ini.



BAKAL jemaah umrah dan haji dari seluruh dunia termasuk Malaysia kini dilarang mengambil foto di Masjidilharam di Mekah dan Masjid Nabawi, Madinah.

“Selain itu, penerangan dan khidmat nasihat menerusi laman media sosial juga akan dilakukan secara berkala kerana medium berkenaan lebih cepat dan mudah untuk disampaikan,” katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Johan menambah, jemaah disarankan untuk mematuhi segala peraturan semasa berada di Tanah Suci dan terus menjaga nama baik negara kerana Arab Saudi menyenaraikan jemaah Malaysia sebagai paling berdisiplin.

Kementerian Luar Arab Saudi difaham-



UMAT Islam masih dibenarkan membawa telefon bimbit semasa berada di dalam Masjidilharam dan Masjid Nabawi.

kan mengeluarkan pekeliling larang tersebut kepada wakil pelbagai negara pada 12 November lalu.

Bagaimanapun, keputusan mengejutkan itu hanya mula dilaporkan media antarabangsa sejak minggu lepas.

Kosmo! pada 25 November lalu turut melaporkan mengenai arahan larangan tersebut selepas mula disiarkan portal berita Turki, *Daily Sabah*.

Dalam pada itu, Eksekutif Perhubungan Media TH, Affan Aimaduddin Azami berkata, bakal-bakal umrah dan haji tidak dilarang untuk membawa telefon bimbit



KERATAN *Kosmo!* 25 November 2017.

bersama mereka sewaktu berada di dalam Masjidilharam dan Masjid Nabawi.

“Bakal haji hanya dilarang mengambil atau merakam sebarang bentuk gambar atau video, namun tidak dilarang untuk membawa peranti tersebut bersama mereka,” katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom menasihatkan para jemaah agar mematuhi arahan larangan itu.

“Pihak kementerian berpendapat arahan itu dikeluarkan selepas ada jemaah yang meluahkan rasa tidak selesa sekiranya wajah mereka secara tidak sengaja dirakam oleh pihak lain dan kemudian terpampang di media sosial,” katanya ketika dihubungi malam tadi.

Jamil Khir turut berharap penguatkuasaan itu dapat memberi ruang kepada bakal jemaah untuk lebih fokus dalam menunaikan ibadah.

Setakat Oktober lalu, jumlah rakyat Malaysia yang menunaikan umrah pada tahun ini ialah sebanyak 250,000 orang manakala jemaah haji pula seramai 42,200 orang.



JAMIL KHIR



JOHAN